

**DIFUSI RUANGAN, INFRASTRUKTUR  
KOMUNITI DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM  
PENGUKUHAN BUDAYA TRANSEKSUALISME  
DI KALANGAN PELAJAR LELAKI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**AZILAH BINTI MOHAMAD NOR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2011**

**DIFUSI RUANGAN, INFRASTRUKTUR  
KOMUNITI DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM  
PENGUKUHAN BUDAYA TRANSEKSUALISME  
DI KALANGAN PELAJAR LELAKI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

oleh

**AZILAH BINTI MOHAMAD NOR**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Mei 2011**

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya saya telah berjaya menyiapkan penulisan tesis ini. Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Suriati bt. Ghazali selaku penyelia utama yang banyak memberi perhatian, teguran dan nasihat serta bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Seterusnya tidak lupa juga kepada Dr. Jabil b. Mapjabil selaku penyelia bersama dalam pengajian ini, yang turut sama membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Juga ucapan terima kasih kepada En. Colonius b. Atang, Pn. Siti Yusairah, Shafizan, As, Nasha, Sally, Koko, Gray serta kepada semua rakan-rakan yang memberi sokongan dan pertolongan secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh menyiapkan penulisan tesis ini.

Tidak terkecuali buat yang teristimewa, suami tercinta Tarmiji b. Hj. Masron, anak-anak yang dikasihi iaitu Rayyan dan Mikaeel Ghazzah, kedua-dua ibu bapa dan mertua serta sanak saudara yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan dorongan serta doa kepada saya selama ini. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian semua.

**Azilah Binti Haji Mohamad Nor**  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.  
15 Mei 2011

## SENARAI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iii - ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x - xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv - xv
<b>ABSTRAK</b>	xvi - xvii
<b>ABSTRACT</b>	xviii - xix

## BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan masalah	4
1.3	Objektif kajian	5
1.4	Persoalan kajian	6
1.5	Skop dan batasan kajian	7
1.6	Kepentingan dan sumbangan kajian	10
1.7	Definisi dan terma kajian	12
1.7.1	Transeksual, budaya transeksualisme, gaya hidup transeksual	12
1.7.2	Proses difusi	13
1.7.3	Infrastruktur komuniti	14
1.7.4	Sokongan sosial	14
1.8	Organisasi kajian	15

**BAB DUA: DIFUSI RUANGAN DAN SOKONGAN TERHADAP GAYA HIDUP TRANSEKSUAL: SATU SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Transeksual: definisi, istilah dan faktor	16
2.3	Ruang <i>queer</i> sebagai kajian geografi	21
2.4	Faktor kewujudan dan pengukuhan budaya transeksualisme	28
2.5	Globalisasi dan difusi budaya sebagai faktor penyebaran dan Pengukuhan budaya transeksualisme	30
2.5.1	Globalisasi budaya	30
2.5.2	Difusi budaya	37
2.6	Peranan infrastruktur komuniti dan kumpulan sokongan sosial dalam menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual	48
2.6.1	Peranan bar, restoran, sauna dan tandas sebagai tempat pertemuan	49
2.6.2	Peranan kumpulan sokongan sosial dalam menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual	53
2.7	Rangka konsep peranan difusi, infrastruktur komuniti dan sokongan sosial dalam mengukuhkan budaya transeksualisme	63
2.8	Kesimpulan	65

**BAB TIGA: SENARIO TRANSEKSUAL DI MALAYSIA**

3.1	Pengenalan	66
3.2	Gelaran dan identiti transeksual di Malaysia	67
3.3	Keprihatinan terhadap isu transeksual dalam akhbar aliran utama	70
3.4	Senario transeksual dalam filem-filem dan drama-drama semasa di Malaysia	73
3.5	Persepsi masyarakat Malaysia terhadap komuniti transeksual	80
3.6	Transeksual menurut perspektif perundangan di Malaysia	82

3.7	Transeksual menurut perspektif penggubal dasar (kerajaan)	87
3.8	Transeksual menurut perspektif badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan	89
3.9	Kesimpulan	94

#### **BAB EMPAT: METODOLOGI KAJIAN**

4.1	Pengenalan	96
4.2	Skop dan fokus kajian	97
4.3	Kawasan kajian	98
4.3.1	Universiti Sains Malaysia (Minden), Pulau Pinang dan Universiti Utara Malaysia Sintok Kedah	99
4.4	Tatacara pensampelan	105
4.5	Kaedah pengumpulan data	107
4.5.1	Kaedah kuantitatif	108
4.5.1.1	Soal selidik	108
4.5.2	Kaedah kualitatif	109
4.5.2.1	Temu bual mendalam semasa menjalankan pemerhatian ikut serta	109
4.5.2.2	Perbualan melalui telefon dan <i>chatting</i> di internet	114
4.5.2.3	Penulisan diari	115
4.6	Cara pemprosesan data	116
4.7	Etika penyelidikan	119
4.8	Batasan data kajian	120
4.9	Kesimpulan	121

#### **BAB LIMA: PROSES DIFUSI RUANGAN DAN PENERIMAAN GAYA HIDUP TRANSEKSUAL DI KALANGAN PELAJAR LELAKI DI USM DAN UUM**

5.1	Pengenalan	123
5.2	Latar belakang responden	124
5.2.1	Umur responden	124
5.2.2	Kumpulan etnik	125
5.2.3	Agama responden	127

5.2.4	Bilangan responden mengikut status tempat tinggal (bandar dan luar bandar)	127
5.2.5	Bilangan responden mengikut negeri	128
5.3	Difusi ruangan budaya dan penerimaan gaya hidup transeksual sebelum responden melanjutkan pelajaran ke universiti	129
5.3.1	Permulaan difusi ruangan budaya transeksualisme di tempat asal	130
5.3.2	Difusi ruangan budaya transeksual dan penerimaan budaya ini semasa di tempat asal	132
5.3.3	Umur ketika mula menerima dan mengamalkan gaya hidup transeksual semasa di tempat asal	134
5.4	Proses difusi dan penerimaan responden terhadap gaya hidup transeksual selepas memasuki universiti	135
5.4.1	Pandangan responden terhadap pembawa budaya transeksualisme yang mempengaruhi mereka mengamalkan gaya hidup ini setelah memasuki universiti: naluri, rakan atau media?	136
5.4.1.1	Kajian kes difusi budaya transeksualisme dari sumber rakan dan media: pengalaman Responden D	139
5.4.2	Sumber contoh bagi responden untuk menggayakan penampilan wanita selepas menerima difusi budaya transeksual	144
5.4.3	Pandangan responden terhadap sumbangan rakan (senior) kepada gaya hidup transeksual mereka dan cara budaya ini disampaikan kepada mereka	147
5.4.4	Sebaran budaya transeksual daripada responden kepada pelajar lain	150
5.4.5	Perkara yang dibincangkan bersama rakan senaluri	155
5.5	Model difusi budaya transeksualisme di kalangan pelajar lelaki universiti	157
5.6	Potensi difusi budaya transeksualisme pada masa hadapan	159
5.7	Kesimpulan	161

**BAB ENAM: PERANAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM PENGUKUHAN BUDAYA TRANSEKSUALISME DI KALANGAN PELAJAR LELAKI DI USM DAN UUM**

6.1	Pengenalan	163
6.2	Peranan infrastruktur komuniti dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di kalangan pelajar lelaki di USM dan UUM	164
6.2.1	Peranan kafe siber dalam pengukuhan budaya Transeksualisme	169
6.2.2	Peranan pusat membeli belah dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di USM dan UUM	173
6.2.3	Peranan farmasi dan klinik swasta dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di USM dan UUM	176
6.2.4	Peranan premis menjual majalah dan buku dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di USM dan UUM	181
6.2.5	Kepentingan salun kecantikan, spa dan sauna dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di USM dan UUM	185
6.2.6	Peranan pusat hiburan, panggung wayang, taman rekreasi dan kemudahan awam lain dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di USM dan UUM	190
6.2.7	Kajian kes tentang pergerakan responden mendapatkan infrastruktur komuniti untuk mengukuhkan gaya hidup transeksual	196
6.3	Peranan sokongan sosial dalam mengukuhkan budaya transeksualisme di kalangan pelajar lelaki di USM dan UUM	203
6.3.1	Pandangan pelajar lelaki transeksual di USM dan UUM terhadap penerimaan dan sokongan masyarakat, institusi keagamaan dan institusi perundangan kepada mereka	204
6.3.1.1	Pandangan responden terhadap penerimaan dan sokongan ahli keluarga	206



6.3.1.2	Pandangan responden terhadap penerimaan dan sokongan rakan sekampus	210
6.3.1.3	Pandangan responden tentang penerimaan dan sokongan kakitangan akademik dan kakitangan kumpulan sokongan terhadap gaya hidup transeksual di kalangan pelajar lelaki universiti	214
6.3.1.4	Pandangan responden terhadap penerimaan dan sokongan warga kampus lain	218
6.3.1.5	Pandangan responden tentang penerimaan dan sokongan masyarakat luar kampus terhadap gaya hidup transeksual mereka	220
6.3.1.6	Pandangan responden tentang penerimaan institusi keagamaan dan institusi perundangan terhadap gaya hidup transeksual di kalangan pelajar lelaki universiti	223
6.3.2	Sokongan sosial pihak universiti terhadap pengukuhan budaya transeksualisme di kalangan pelajar lelaki universiti	226
6.3.3	Sokongan media massa terhadap pengukuhan gaya hidup transeksual	232
6.4	Kesimpulan	235
<b>BAB TUJUH: KESIMPULAN</b>		
7.1	Pengenalan	238
7.2	Rumusan hasil kajian, sumbangan utama kepada pengetahuan dan penambahbaikan teori difusi ruangan budaya Hagerstrand	238
7.3	Sumbangan kajian kepada disiplin ilmu dan pembangunan masyarakat	245
7.4	Cadangan kepada penggubalan dasar	247
7.5	Potensi kajian masa hadapan	248

<b>BIBLIOGRAFI</b>		250 - 264
<b>LAMPIRAN 1:</b>	Borang soal selidik	265 - 277
<b>LAMPIRAN 2:</b>	Senarai responden	278 - 279

**JADUAL****MUKA SURAT**

Jadual 3.1	Kekerapan Berita dan Rencana Mengenai Komuniti ini dalam Akhbar Arus Perdana pada Tahun 2008 dan 2009	70
Jadual 3.2	Sinopsis Filem/Drama/Teater yang Memaparkan Kisah Lelaki Transeksual serta Difusi Ruangan, Infrastruktur Komuniti dan Sokongan Sosial yang Diberikan oleh Filem/Drama/Teater Tersebut	75
Jadual 5.1	Bilangan Responden Lelaki Transeksual di USM dan UUM Mengikut Kumpulan Umur	125
Jadual 5.2	Bilangan Responden Lelaki Transeksual di USM dan UUM Mengikut Keturunan / Etnik	126
Jadual 5.3	Bilangan Responden Mengikut Agama	127
Jadual 5.4	Status Tempat Tinggal Asal Responden Lelaki Transeksual USM dan UUM Sebelum Memasuki Universiti	128
Jadual 5.5	Bilangan Responden Transeksual Lelaki USM dan UUM Mengikut Negeri Asal	129
Jadual 5.6	Responden Menerima Budaya dan Mempamerkan Penampilan Transeksual Sebelum Memasuki Universiti	132
Jadual 5.7	Umur Responden Semasa Mula Mempamerkan Penampilan Transeksual Semasa di Tempat Asal	135
Jadual 5.8	Pandangan Responden USM dan UUM Terhadap Sumber/Pembawa Budaya Transeksualisme yang Menyebabkan Mereka Menerima Gaya Hidup ini	136
Jadual 5.9	Sumber Contoh bagi Responden USM dan UUM untuk Menggayakan Penampilan Wanita	145
Jadual 5.10	Pandangan Responden USM dan UUM Tentang Sumbangan Rakan Senior Terhadap Gaya Hidup Transeksual Mereka	148
Jadual 5.11	Cara Budaya Transeksualisme Disampaikan oleh Pelajar Senior kepada Responden USM dan UUM	149
Jadual 5.12	Cara Perkenalan/Perjumpaan Awal Responden USM dan UUM dengan Junior dan Rakan Baru di Universiti Sebelum Menyebarkan Budaya Transeksual kepada Mereka	151

Jadual 5.13	Topik yang Biasa Dibualkan oleh Responden USM dan UUM dengan Rakan Senaluri Secara Bersemuka, Melalui Telefon atau di Ruang Siber (Internet)	156
Jadual 6.1	Senarai Kemudahan Komuniti dan Pandangan Responden Tentang Benar atau Tidak Kemudahan Komuniti Tersebut Membantu Responden untuk Berpenampilan seperti Wanita	166
Jadual 6.2	Pendapat Responden Tentang Peranan Kafe Siber dalam Mengukuhkan Gaya Hidup Transeksual	170
Jadual 6.3	Temu Bual Penulis dengan Pemilik dan Pekerja Farmasi dan Klinik yang Sering Dikunjungi Responden untuk Mendapatkan Keperluan bagi Mengubah Penampilan	180
Jadual 6.4	Sokongan Pemilik dan Pekerja di Spa dan Salun Kecantikan yang Mengukuhkan Gaya Hidup Transeksual	189
Jadual 6.5	Peranan Pusat Hiburan, Panggung Wayang dan Taman Rekreasi yang Menyokong Mengukuhkan Budaya Transeksualisme	192
Jadual 6.6	Pandangan Responden Tentang Penerimaan dan Sokongan Masyarakat Umum, Institusi Keagamaan dan Institusi Perundangan Terhadap Budaya Transeksualisme	205
Jadual 6.7	Pandangan Responden Tentang Penerimaan dan Sokongan Warga Kampus Lain Terhadap Pengukuhan Budaya Transeksualisme	219
Jadual 6.8	Pandangan Masyarakat Luar Kampus Terhadap Gaya Hidup Transeksual Mereka	222
Jadual 6.9	Sokongan Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian di Universiti Terhadap Pengukuhan Budaya Transeksualisme di Kalangan Pelajar Lelaki di USM dan UUM	230
Jadual 6.10	Sokongan Media Cetak (Majalah dan Akhbar) dalam Mengukuhkan Gaya Hidup Transeksual di Kalangan Pelajar Lelaki USM dan UUM	233
Jadual 6.11	Pandangan Responden Tentang Kemudahan dan Sokongan Media Massa Terhadap Pengukuhan Budaya Transeksualisme	235

<b>RAJAH</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Skop dan Batasan Kajian	8
Rajah 2.1	Difusi Berjangkit Menunjukkan Kawasan / Orang Menerima Sesuatu Unsur Baru Semakin Luas / Ramai Mengikut Masa	43
Rajah 2.2	Difusi Hierarki Menunjukkan Penerima Unsur Baru Semakin Ramai Mengikut Masa	44
Rajah 2.3	Rangka Konsep Difusi Budaya	45
Rajah 2.4	Rangka Kerja Konseptual	64
Rajah 4.1	Peta Lokasi USM Pulau Pinang dan Kemudahan Komuniti yang Terdapat di Kawasan Sekitar	100
Rajah 4.2	Peta Lokasi UUM Kedah dan Bandar-bandar Utama di Kawasan Sekitar	103
Rajah 4.3	Peta Menunjukkan Lokasi Kedua-dua Kawasan kajian iaitu USM Pulau Pinang dan UUM Kedah	104
Rajah 4.4	Aktiviti Penyelidikan dan Penganalisan Data Kajian	122
Rajah 5.1	Penurunan Penampilan Lelaki	130
Rajah 5.2	Proses Difusi Budaya Transeksual – Pengalaman Responden D	143
Rajah 5.3	Kekerapan Responden USM dan UUM Melayari Internet untuk Berkomunikasi dan Mendapatkan Informasi Mengenai Kecantikan, Fesyen dan Lain-lain	155
Rajah 5.4	Model Difusi Ruangan Gaya Hidup Transeksual di Kalangan Pelajar Lelaki Transeksual di USM dan UUM	158
Rajah 6.1	Pergerakan Responden X dan Responden Y untuk Mendapatkan Infrastruktur Komuniti bagi Mengukuhkan Gaya Hidup Transeksual	199
Rajah 6.2	Lakaran Peta Mental Lokasi di mana Pergerakan Responden K Berdasarkan Catatan Harian dalam Satu Hari	202
Rajah 6.3	Pandangan Responden Tentang Penerimaan dan Sokongan Masyarakat Umum, Institusi Keagamaan dan Institusi Perundangan Terhadap Budaya Transeksualisme	205

**FOTO****MUKA SURAT**

Foto 6.1	Infrastruktur Komuniti yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Kawasan Kajian	168
Foto 6.2	Kafe Siber yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Kawasan Kajian	172
Foto 6.3	Pusat Membeli Belah yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Kawasan Kajian	175
Foto 6.4	Kemudahan Farmasi yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Lokasi Kajian	181
Foto 6.5	Premis-premis yang Menjual Majalah dan Keperluan Harian Lain yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Kawasan Kajian	184
Foto 6.6	Spa dan Salun Kecantikan yang Terdapat di Sekitar Kedua-dua Lokasi Kajian	190
Foto 6.7	Taman Rekreasi yang Menjadi Tempat Tumpuan Responden Bersama Rakan-rakan Senaluri	195
Foto 6.8	Sebahagian daripada Aktiviti yang Dianjurkan oleh Pihak Universiti	232

## SENARAI SINGKATAN

AKJSWP 1997	Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah -Wilayah Persekutuan 1997
BJ	Bukit Jambul
CC	Cyber Café
CD	Compact Disc
DTSP	Dewan Tunku Syed Putra
FESStKUM	Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia
FSSK	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
GLBT	Gay, Lesbian, Bisexual dan Transgender
GRO	Pegawai Perhubungan Pelanggan
HEP	Hal Ehwal Pelajar
ICT	Information and Communications Technology
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IT	Information Technology
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KAKS	Kursus Asas Keusahawanan Siswa
KWSP	Kumpulan Simpanan Wang Pekerja
MAPUM	Majlis Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar IPTA
NGO	Badan-badan Bukan Kerajaan
PABM	Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
Perkama	Persatuan Kaunseling Malaysia

PKU	Pusat Kesihatan Universiti
PPPPS	Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Sumber Manusia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SMS	Short Message Service
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
TV	Televisyen
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USA	United States of America
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WHI	Wanita Hari Ini
YM	Yahoo Massager



**Difusi Ruang, Infrastruktur Komuniti dan Sokongan Sosial Dalam  
Penguatan Budaya Transeksualisme di Kalangan Pelajar Lelaki  
Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia**

ABSTRAK

Transeksualisme ialah satu keadaan di mana seseorang mempamerkan gaya penampilan gender yang berlawanan dengan jantina biologinya. Pada era mutakhir ini fenomena transeksualisme semakin jelas kelihatan dalam kalangan masyarakat moden di negara maju dan negara membangun. Difusi atau rebakan ruang budaya transeksualisme turut berlaku di Malaysia, di mana ianya ketara dalam kalangan remaja lelaki, termasuk pelajar lelaki universiti. Justeru itu kajian ini akan memeriksa proses difusi ruang budaya transeksualisme dalam kalangan pelajar lelaki universiti. Objektif kajian adalah untuk meninjau proses difusi ruang budaya ini dan mengenal pasti faktor penyebar budaya ini dalam kalangan pelajar lelaki universiti. Turut dikenal pasti ialah infrastruktur komuniti dan sokongan sosial di dalam dan sekitar universiti yang membawa kepada difusi gaya hidup ini. 60 orang pelajar lelaki berpenampilan silang di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, telah dipilih sebagai responden kajian. Pendekatan kualitatif telah digunakan bagi mengkaji isu yang dianggap sensitif oleh kumpulan sasaran. Oleh itu, borang soal selidik terbuka, temubual mendalam secara berulang, pemerhatian ikut serta dan penulisan diari telah digunakan bagi mendapatkan data yang bersifat mendalam dan menyeluruh bagi aspek yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa naluri telah menjadi faktor yang memudahkan responden menerima idea transeksualisme. Manakala rakan dan media pula telah menjadi faktor penting yang menyebarkan difusi budaya ini kepada pelajar lain. Kehampiran dengan rakan senaluri dan kemudahan untuk mendapatkan

maklumat tentang gaya hidup dan penampilan transeksual daripada media cetak dan elektronik di dalam dan sekitar universiti telah memudahkan sebaran budaya transeksualisme kepada pelajar lelaki lain yang ingin berpenampilan silang. Di samping itu, infrastruktur komuniti seperti kafe siber, pusat beli belah, farmasi, spa dan salun kecantikan telah menyokong pengukuhan budaya ini dalam kalangan responden. Sokongan sosial daripada pelbagai pihak bukan transeksual seperti rakan sebaya, kakitangan akademik dan pentadbiran universiti, serta masyarakat luar kampus turut mengukuhkan gaya penampilan ini. Kajian ini telah menyumbang kepada pengetahuan tentang difusi ruangan budaya transeksualisme serta infrastruktur komuniti dan sokongan sosial yang mengukuhkan budaya ini dalam kalangan mereka yang memilih gaya hidup tersebut.

**Spatial Diffusion, Community Infrastructure and Social Support in  
Strengthening The Culture of Transsexualism Among Male Students at  
Universiti Sains Malaysia and Universiti Utara Malaysia**

ABSTRACT

Transsexualism is a condition in which a person acts and shows a style of gender appearance opposite to the person's biological sex. In this contemporary era, transsexualism phenomenon is getting more evident among the modern societies in developed and developing countries. Diffusion of transsexualism has also take place in Malaysia, in which it is apparent amongst teenage males including those in the universities. Therefore this study investigates the process of spatial diffusion of transsexualism among the male university students. The objective is to explore the process of spatial diffusion of this culture, and to identify the carrier factors that distribute the culture among the male university students. Community infrastructure and social support in and around the university are also identified as the cause of this diffusion. 60 cross-dressed male students in the Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, and in the Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah were chosen as the respondents for this study. Qualitative approach has been applied to investigate this issue, which is considered sensitive, towards the targeted group. Therefore, open-ended questionnaire forms, repeated in-depth interviews, participant observation and diary writing have been employed in order to obtain complete information about the aspects studied. The research findings shows that instinct has been the factor that made respondents to easily accept the idea of transsexualism, while friends and the media have been the most important factors that spread the culture to other students. Close proximity to friends that share the same instincts, and the availability of information about this way of life obtained from the printed and

electronic media in and around the university have made the diffusion of transsexualism easy for the male students that wants to cross-dress. Furthermore, community infrastructure such as cyber cafes, shopping centres, pharmacies, spas and beauty salons have also contribute to strengthening the culture of transsexualism amongst the respondents. Social support from the non-transsexual societies, such as peer groups, university academics and administrative staffs, and off-campus communities also reinforce this style of appearance. This study has contributed to knowledge on spatial diffusion of transsexualism, community infrastructure and social support that enhance this culture amongst those who choose this way of life.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Transeksualisme merupakan satu fenomena yang semakin ketara dalam masyarakat dunia pada hari ini (Teh, 2002; 2001; Brown dan Knopp, 2005). Fenomena ini telah dikesan dalam ketamadunan di seluruh dunia dan ia bukan unik kepada negara-negara tertentu, termasuklah di Malaysia (Wan AzmiRamli, 1991; HamdanAbd. Kadir, 2007; Zulhizzam A., 2005). Hal ini dapat dilihat apabila fenomena ini bukan sesuatu yang baru lagi di peringkat global. Masyarakat seolah-olah semakin menerima golongan transeksual ini dan mengikut masa sedikit demi sedikit gaya hidup mereka menjadi kelaziman kepada masyarakat. Keadaan ini disebabkan oleh proses-proses yang di bawa oleh era globalisasi yang menjadi penggerak kepada berlakunya difusi budaya dalam sesuatu masyarakat (de Blij dan Murphy, 2003).

Beberapa pengkaji menyatakan golongan transeksual adalah golongan lelaki dan perempuan yang mengalami disforia atau kecelaruan gender (King, 1993; Ismail Tambi, 2007). Dalam kata lain, lelaki transeksual ialah lelaki yang tidak menyukai gender lakinya dan ingin menjadi wanita dan sebaliknya wanita transeksual adalah wanita yang tidak berpuas hati dengan gendernya dan ingin menjadi lelaki. Kecelaruan gender ini dianggap masyarakat sebagai penyakit sosial dan melanggar adab sopan dan tatasusila terutama bagi negara yang berbudaya Timur seperti Malaysia (Teh, 2002; Ismail Tambi, 2007; Zulkifli al-Bakri, 2007). Walaupun masyarakat memandang serong atau negatif terhadap golongan ini, namun kajian dan penelitian mendapati golongan ini, terutama lelaki transeksual semakin kukuh

kedudukannya dan berani mempamerkan gaya hidup transeksual mereka kepada masyarakat umum termasuk di universiti (Mohd. Yusman Awang *et. al*, 2004; Hamdan Abdul Kadir, 2007).

Apa yang menjadi isunya sekarang ialah, semakin ramai lelaki yang ingin berpenampilan seperti wanita dan fenomena ini turut mendapat sambutan di kalangan pelajar lelaki universiti (Zulhizzam, 2005; HamdanAbd. Kadir, 2007). Dikatakan semakin ramai pelajar lelaki di universiti menunjukkan ciri-ciri transeksual, dan ini menggambarkan bahawa golongan ini terdiri daripada mereka yang berpendidikan dan terpelajar (Rajmah Hasan Shirat, 2002; Mohd. Yusman Awang *et. al*, 2004; HamdanAbd. Kadir, 2007). Keadaan ini berbeza berbanding 20 tahun yang lalu di Malaysia, di mana golongan ini adalah minoriti dan terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah (Wan AzmiRamli, 1991; Rajmah Hasan Shirat, 2002). Kajian terdahulu mendapati kebanyakan mereka berpendidikan menengah rendah dan bersekolah rendah sahaja.Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untukmemperolehi peluang pekerjaan yang baik di sektor-sektor awam. Ketiadaan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan dan penampilan mereka menyebabkan kebanyakan komuniti ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak bermoral (Wan Azmi Ramli, 1991; Teh, 2002).

Namun begitu, pada era mutakhir ini berlaku perubahan dalam ciri golongan ini, di mana banyak laporan dan kajian menunjukkan ramai daripada mereka adalah golongan terpelajar. Ada di antara mereka terdiri daripada graduan yang telah menjawat jawatan tinggi seperti peguam, akauntan, jurutera danguru (Utusan Malaysia, 5.8.2002). Senario ini memperlihatkan bahawa golongan ini telah

muladiterima dalam masyarakat umum pada hari ini dan penerimaan ini seolah-olah menjadi pendorong dan sokongan kepada pengukuhan gaya hidup mereka (Nanda, 1999). Malah menjadi satu trend apabila golongan ini menjadi perhatian media melalui filem, drama, rencana dan teater sejak akhir-akhir ini (Ruan, 1989; Ekins dan King, 1997; Ringo, 2002). Di Malaysia umpamanya filem seperti Waris Jari Hantu, Nana Tanjung, ..... Dalam Botol, drama seperti Sutun 1 dan 2, Wali, Amy Anuar, Mabuk Estrogen, Donut, rencana seperti Bicara Siswa, U Remaja, 360, Wanita Hari Ini (WHI) dan yang terbaru ialah teater Patung Kertas dan Air Con telah menggunakan watak lelaki transeksual sebagai watak utama atau subjek perbincangan dan bahan-bahan ini telah ditonton ramai. Terdapat juga filem yang hanya boleh diakses melalui internet seperti Bukak Api dan Comolot. Kesemuanya adalah antara bukti golongan ini menjadi perhatian masyarakat.

Walaupun komuniti transeksual ini masih minoriti, namun kewujudan mereka amat membimbangkan masyarakat yang ingin keadaan ini dihentikan. Jika dahulunya komuniti ini menjauhkan diri dari masyarakat umum, tetapi pada masa kini mereka telah mula menunjukkan 'kuasa' dan pengaruh sosial, di mana mereka mempunyai pertubuhan sendiri dan menguasai ruang-ruang geografik tertentu (Beyrer, 1998; Cresswell, 1999; Totman, 2003). Terdapat laporan mengatakan, masyarakat membimbangi fenomena ini kerana dikhuatiri ia menjadi satu masalah sosial yang lebih serius dan menimbulkan kesan buruk kepadamasyarakat dan negara daripada aspek moral, sosial, kesihatan, keagamaan, perundangan dan ekonomi (Hamdan Abd. Kadir, 2007; Zulkifli al-Bakri, 2007).

## **1.2       Pernyataan Masalah**

Kajian ini mengisahkan empat perkara penting yang merupakan pernyataan masalah bagi kajian ini. Pertama, kedudukan golongan lelaki transeksual yang semakin kukuh di dalam masyarakat, di mana mereka semakin jelas dan berani menonjolkan gaya hidup transeksual mereka di khalayak umum. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat. Lebih-lebih lagi golongan pelajar di universiti semakin ramai terlibat dalam tingkah laku ini.

Kedua ialah perkembangan teknologi komunikasi era globalisasi kini membawa kepada ledakan teknologi maklumat turut mempengaruhi kehidupan golongan remaja dalam pelbagai bentuk termasuklah aspek budaya. Keadaan ini memudahkan sesuatu budaya itu tersebar ke serata tempat tanpa dibatasi sempadan ruang yang nyata dan berlaku proses penyeragaman budaya. Hal ini berlaku kerana kebanyakan remaja kini celik IT secara tidak langsung memudahkan mereka mengakses maklumat sama ada melalui media cetak dan media elektronik seperti internet, TV dan radio. Kemudahan mengakses laman sosial sama ada berbentuk blog atau jaringan sosial lain seperti Friendster, Facebook, MySpace, Twitter dan YouTube memudahkan golongan remaja lelaki mendapat informasi tentang gaya hidup golongan transeksual dengan mudah dan cepat.

Ketiga, proses perbandaran yang semakin pesat kini telah mewujudkan persekitaran bandar yang menyokong kepada pengukuhan kedudukan golongan transeksual. Infrastruktur komuniti di bandar seperti premis-premis seperti kafe siber, farmasi, salon kecantikan, pusat membeli belah dan premis yang menjual bahan bacaan di



bandar telah menjadi tempat pengumpulan maklumat, penyebaran dan pengukuhan gaya hidup kumpulan ini.

Keempat, aktiviti sosial dan kebudayaan masyarakat moden kini yang terdapat di dalam dan di luar kampus, secara tidak sengaja menyediakan sistem sokongan sosial yang membantu mengukuhkan gaya hidup transeksual golongan ini. Penerimaan orang ramai terhadap penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan seperti persembahan kebudayaan, pertandingan nyanyian dan tarian, serta pendedahan yang dibawa oleh media terhadap golongan ini menjadi suatu bentuk sokongan kepada komuniti ini untuk terus menjadi transeksual. Di samping itu, industri penyiaran dan hiburan negara yang turut menyebarkan budaya ini kepada masyarakat umum dengan menyiarkan filem-filem, drama-drama dan dokumentari tentang golongan ini telah mempopularkan budaya ini sehingga budaya ini menjadi semakin biasa pada mata masyarakat. Kesannya, masyarakat semakin menerima kehadiran golongan transeksual dan mengikut masa kedudukan mereka semakin kukuh di dalam masyarakat.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada isu dan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meninjau bagaimana proses difusi ruangan budaya transeksualisme berlaku di kalangan pelajar lelaki universiti.
2. Mengenal pasti faktor penyebar budaya ini di kalangan pelajar lelaki semasa berada di universiti.

3. Mengkaji peranan infrastruktur komuniti seperti premis-premis khusus di sekitar universiti tersebut yang membantu mengukuhkan budaya transeksualisme.
4. Meninjau kewujudan kumpulan sokongan sosial (*social support group*) yang membantu mengukuhkan gaya hidup transeksual.

#### **1.4 Persoalan Kajian**


Kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Terdapat pelbagai faktor yang menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual ini di universiti seperti faktor rakan-rakan dan faktor persekitaran bandar. Persoalan kajian ini ialah apakah faktor yang lebih dominan yang membawa kepada kukuhnya gaya hidup dan gaya penampilan golongan ini di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ?
2. Budaya transeksualisme sebagai fenomena baru telah tersebar di dalam ruang mengikut masa. Justeru itu, kajian ini mempersoalkan bagaimana difusi ruangan gaya hidup transeksual berlaku di universiti dan mempengaruhi pengukuhan budaya transeksualisme di IPTA terlibat.
3. Pelbagai bentuk infrastruktur komuniti dalam persekitaran bandar yang terdapat di sekitar universiti dipercayai membantu mengukuhkan gaya hidup transeksual golongan ini. Persoalannya, bagaimanakah infrastruktur komuniti seperti ini beroperasi, berperanan dan menawarkan perkhidmatan sehingga membawa kepada pengukuhan budaya transeksualisme di IPTA terpilih?

4. Di samping itu, penulis juga turut mengandaikan bahawa sistem sokongan sosial yang terdapat di sekitar universiti dan luar universiti berperanan mengukuhkan gaya hidup golongan ini. Persoalannya, bagaimanakah sistem sokongan sosial yang terdapat di kampus dan di luar kampus menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual ini?

### **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Bagi memastikan kajian ini lebih memfokus untuk menjawab objektif-objektif kajian, penulis telah membataskan kajian ini kepada beberapa perkara sahaja. Skop dan batasan kajian ini perlu dibuat supaya penulis dapat memberi fokus yang lebih baik sesuai dengan tempoh masa yang terhad serta sifat kajian yang mendalam. Selain itu, batasan juga perlu dibuat bagi menjaga organisasi kajian supaya menjawab objektif kajian.



Rajah 1.1  
Skop dan Batasan Kajian

Rajah 1.1 ialah skop dan batasan kajian penulis. Daripada empat kategori lelaki, hanya transeksual dan transvestit<sup>1</sup> lelaki sahaja dikaji oleh penulis. Skop dikecilkan kepada mereka yang belajar di USM dan UUM sahaja bagi mengkaji faktor-faktor yang menyokong dan mengukuhkan gaya hidup transeksual ini. Daripada pelbagai faktor yang ada, penulis membataskan kepada dua faktor utama iaitu infrastruktur komuniti yang terdapat dalam persekitaran bandar dan sokongan sosial daripada universiti dan masyarakat.

Daripada keseluruhan universiti yang terdapat di Malaysia, hanya dua universiti dipilih iaitu USM Pulau Pinang dan UUM Kedah. Hal ini adalah kerana belum ada kajian akademik yang dijalankan terhadap golongan ini di kawasan utara Semenanjung Malaysia khususnya di universiti tersebut, berbanding di Lembah Kelang yang telah dikaji oleh ramai penyelidik (Wan Azmi Ramli, 1991; Teh, 2002;

<sup>1</sup> Tranvestit merujuk kepada lelaki yang hanya sekadar berpenampilan wanita tanpa mempunyai niat untuk melakukan pembedahan pertukaran jantina.

Zulhizzam, 2005). Selain daripada itu kajian ini yang melibatkan kajian mendalam dan kumpulan fokus adalah sesuai dibataskan kepada kawasan yang lebih spesifik dari segi tempat. Memandangkan kajian ini perlu mendalami dan memahami tingkah laku dan tindakan responden untuk satu tempoh yang panjang maka dua buah universiti sahaja dipilih. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada golongan lelaki transeksual Melayu dan Bumiputra lain sahaja kerana dari segi jumlah golongan transeksual Melayu dan Bumiputera lain adalah tinggi bilangannya iaitu 80 peratus berbanding etnik lain (Teh, 2001; Hamdan Abdul Kadir, 2007).

Walaupun terdapat banyak faktor yang dikenal pasti menyokong kewujudan komuniti transeksual seperti naluri, didikan ibu bapa atau keluarga semasa zaman kanak-kanak, dan pengaruh rakan sebaya, namun begitu kajian ini, sebagai satu kajian geografi, akan hanya memberi tumpuan kepada difusi ruangan, infrastruktur komuniti dalam persekitaran bandar dan sistem sokongan sosial sahaja sebagai faktor penting menyokong dan mengukuhkan gaya hidup transeksual di universiti.

Dalam kajian ini, penulis hanya melibatkan golongan lelaki transeksual dalam kalangan pelajar lelaki di USM dan UUM sahaja dan tidak melibatkan golongan transeksual perempuan. Hal ini selaras dengan fenomena sebenar seperti yang akan dibincangkan dalam Bab Dua di mana transeksual lelaki lebih jelas mempamerkan transeksualiti mereka berbanding dengan transeksual perempuan (Wan AzmiRamli, 1991; King, 1993; Bell dan Valentine, 1995; Benjamin, 1999; Teh, 2002; Brown dan Knopp, 2005; Ismail Tambi, 2007). Di samping itu, golongan transeksual yang berada di luar universiti atau bukan pelajar universiti tidak akan dikaji, kerana kajian ini hanya melihat bagaimana infrastruktur komuniti di persekitaran kampus

mempengaruhi proses difusi gaya hidup transeksual dan bagaimana pengukuhan dan penonjolan golongan ini di universiti terbabit.

Kajian ini juga cuba mengaplikasikan kaedah penyelidikan yang masih kurang diaplikasikan oleh penyelidik tempatan seperti kaedah analisis maklumat menggunakan diari, visual, *mental map*, dan menjelajah pelbagai laman blog di internet untuk tujuan pemahaman tentang aspek dan isu yang dikaji (Young, dan Barrett, 2001; Demeritt, dan Dyer, 2002; Madge, dan O'Connor, 2002; Thomas, 2007). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjurus kepada pembentukan polisi dan pengujian, kerana kajian ini lebih kepada kaedah penerokaan.

## **1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian**

Kajian ini penting untuk memahami peranan infrastruktur komuniti di sekitar universiti dan dalam persekitaran bandar yang menyokong pengukuhan gaya hidup lelaki transeksual di IPTA. Melalui kajian ini, persoalan apakah faktor persekitaran yang mempengaruhi dan menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual pelajar lelaki di IPTA akan cuba dikenal pasti dan dijawab. Dengan itu, kajian ini dapat membantu penulis dalam bidang berkaitan memahami proses difusi dan faktor-faktor yang membantu menyebarkan dan mengukuhkan gaya hidup golongan ini. Mengenal pasti elemen dalam proses difusi serta faktor pengukuhan adalah penting dalam usaha memahami kenapa golongan ini jelas di bandar. Seterusnya kajian ini dapat menyumbang maklumat kepada pihak tertentu untuk mengadakan langkah-langkah membendung fenomena ini supaya ia tidak terus berleluasa dalam masyarakat.

Kajian ini juga penting untuk melihat bagaimana sistem sokongan sosial yang terdapat di dalam kampus boleh menyumbang kepada pengukuhan gaya hidup transeksual golongan ini. Dijangkakan beberapa aktiviti kebudayaan di universiti seperti Malam Kebudayaan, Malam Anak Negeri, Malam Citrawarna, Konsert Simfoni Diraja, Teater Muzikal 'Khazanah', pertandingan nyanyian dan sebagainya yang kebanyakannya di dominasi kumpulan ini seakan-akan memberi satu bentuk 'sokongan sosial' kepada mereka untuk mengukuhkan kedudukan dan gaya hidup transeksual di IPTA. Oleh itu kajian ini dapat memberi sumbangan untuk membantu pihak tertentu mengenal pasti sistem sokongan dalam universiti yang menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual golongan ini.

Selain itu kajian ini juga turut memberi sumbangan kepada mempelbagaikan literatur geografi manusia dan geografi sosial terutama dalam pengkajian aspek budaya dan gaya hidup. Di Malaysia, jumlah bahan rujukan ilmiah dalam bidang yang berkaitan masih berkurangan. Hal ini menyukarkan pihak bertanggungjawab dengan pembangunan sosial dan sahsiah diri memahami permasalahan transeksual serta menyelesaikan masalah masyarakat ini. Kajian ini diharapkan dapat membantu memperkayakan bahan rujukan ilmiah dalam bidang berkaitan.

Kajian ini juga menyumbang kepada peningkatan kefahaman tentang keupayaan bidang ilmu geografi dalam mengupas persoalan berhubung isu sosial semasa sebagai satu bidang kajian. Kajian ini juga akan menggunakan pendekatan geografi iaitu dengan melihat peranan ruang, lokasi dan persekitaran yang membantu mengukuhkan gaya hidup golongan lelaki transeksual di IPTA. Dengan itu kajian ini boleh mempromosikan disiplin geografi sebagai ilmu yang mampu mengkaji,

memahami dan menyumbangkan langkah-langkah penyelesaian masalah masyarakat termasuk dalam permasalahan transeksual.

Di samping itu kajian ini juga menyumbang kepada penambahbaikan teori difusi budaya dalam menjelaskan faktor “penerimaan unsur baru” di dalam sesuatu budaya. Dijangkakan faktor infrastruktur komuniti dan akses kepada infrastruktur komuniti menjadi salah satu faktor yang memudahkan lelaki transeksual mengukuhkan budaya (penampilan) mereka.

Kajian ini juga membantu pihak penggubal dasar dan agensi-agensi yang berkaitan menangani isu yang semakin menular, terutama melibatkan golongan pelajar lelaki di IPTA kini. Melalui penemuan kajian ini, diharapkan ia akan dapat membantu pihak berkaitan dalam menyelesaikan konflik diri yang dihadapi dan dilalui oleh golongan lelaki transeksual.

## **1.7 Definisi dan Terma Kajian**

### **1.7.1 Transeksual, Budaya Transeksualisme, Gaya Hidup Transeksual**

Transeksual ialah individu yang mengenal pasti dirinya dengan gender yang tidak konsisten dengan jantina biologinya (Benjamin, 1999; Teh, 2002). Lelaki transeksual dalam kajian ini merujuk kepada golongan lelaki yang mengalami kecelaruan gender iaitu menganggap diri mereka terperangkap dalam tubuh yang salah, di mana identiti gender yang dimiliki secara biologi bertentangan dengan kehendak naluri mereka. Kebiasaannya golongan ini menggunakan pakaian ataupun gaya penampilan yang bertentangan dengan jantina asalnya dan mereka berharap agar mereka mendapat layanan seperti yang diterima oleh wanita lain.



Transeksualisme adalah kata nama bagi perkataan transeksual. Perkataan transeksualisme dan transeksual digunakan secara silih berganti di dalam tesis ini mengikut kesesuaian.

Budaya ialah keadaan di mana cara hidup, cara berfikir, cara bertindak, cara membuat sesuatu, cara bercakap, cara berpakaian, makanan, tempat tinggal, adat resam dan amalan atau perbuatan serta nilai-nilai yang dikongsi bersama oleh keseluruhan masyarakat bagi mencerminkan identiti mereka (Kamus Dwibahasa, 1999; de Blij dan Murphy, 2003; Kamus Dewan, 2005). Manakala budaya transeksualisme pula merujuk kepada perbuatan dan cara hidup yang diamalkan oleh golongan lelaki transeksual untuk menzahirkan diri berpakaian silang. Istilah gaya hidup transeksual pula terhasil daripada budaya yang diamalkan tersebut boleh dilihat melalui cara mereka berpakaian, bercakap, bersolek dan berperwatakan menyerupai perempuan (Wan Azmi Ramli, 1991; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Kedua-dua istilah ini juga turut digunakan secara silih berganti dalam tesis ini mengikut kesesuaian. Definisi yang terperinci akan dibincangkan dalam Bab Dua.

### **1.7.2 Proses Difusi**

Difusi merupakan suatu proses di mana sesuatu ciri baru tersebar dari satu tempat ke tempat lain melalui peredaran masa; contohnya sesuatu yang baru tersebar pada sesuatu masa tertentu daripada titik pusat ia berasal ke lokasi lain (Abler, *et. al.*, 1971; Rogers, 1995; de Blij dan Murphy, 2003). Perkataan difusi menurut istilah ialah sebaran atau bauran. Manakala dari segi konsep pula difusi ialah sesuatu benda, orang, idea bergerak keluar dari kawasan punca ke kawasan lain mengikut masa. Sesuatu pembaharuan sama ada dalam bentuk objek, idea, teknologi, pengetahuan

akan tersebar atau terbaur dari satu titik dari mana ia berasal ke tempat lain mengikut masa (Abler, *et. al.*, 1971; Cliff, 1981; Haggett, 1983; Rogers, 1995; de Blij dan Murphy, 2003). Hal ini termasuk bauran pembaharuan budaya dan gaya hidup. Proses-proses bagaimana sekumpulan masyarakat boleh menerima gaya hidup transeksual dan bagaimana budaya ini berkembang dari satu kumpulan ke kumpulan lain mengikut masa adalah juga boleh dijelaskan menggunakan konsep difusi.

### **1.7.3 Infrastruktur Komuniti**

Infrastruktur komuniti (*community infrastructure*) dalam masyarakat bandar ialah pelbagai kemudahan orang awam yang terdapat di bandar (Castells, 1983; Bell dan Valentine, 1995). Ianya terdiri dari pelbagai jenis kemudahan, daripada perumahan, pengangkutan, kemudahan komunikasi, kompleks membeli belah, farmasi, taman rekreasi sehinggalah kepada *cyber cafe*, sauna dan salun kecantikan. Terdapat infrastruktur komuniti khusus yang menjadi keperluan golongan transeksual dan ketersediaan kemudahan ini di bandar menggalakkan lagi pengukuhan gaya hidup golongan ini.

### **1.7.4 Sokongan Sosial**

Sokongan sosial ialah bantuan daripada segi sosial, ekonomi, psikologi, pendidikan, kesihatan, kerjaya, agama dan moral bagi membantu pihak yang memerlukan sokongan tersebut; dalam konteks ini, golongan transeksual (Grimaldi dan Jacobs, 1996; Nanda 1999; Teh, 2001; 2002). Sokongan sosial dalam kajian ini merujuk kepada sebarang aktiviti yang dijalankan di kawasan kampus atau sekitarnya yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran universiti. Aktiviti-aktiviti seperti persembahan

kebudayaan dan kesenian, pertandingan nyanyian, syarahan dan sebagainya dijangka menjadi salah satu bentuk sokongan sosial yang secara tidak langsung mengukuhkan budaya transeksualisme di kalangan komuniti ini.

## **1.8 Organisasi Kajian**

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab Pertama membincangkan pengenalan dan isu kajian, pernyataan masalah, objektif, andaian dan persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan dan sumbangan kajian, definisi dan terma kajian serta organisasi kajian di akhir sekali. Manakala Bab Dua pula akan menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan peranan infrastruktur komuniti di persekitaran bandar dan sistem sokongan sosial terhadap pengukuhan budaya transeksualisme. Seterusnya Bab Tiga membincangkan tentang senario transeksual di Malaysia. Bab Empat pula akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan mendalam tentang aspek yang dikaji. Seterusnya penemuan pertama akan dibincangkan dalam Bab Lima, di mana dalam bab ini penulis akan menumpukan kepada proses difusi ruangan budaya transeksualisme dan faktor penyebaran budaya ini di kalangan pelajar lelaki semasa berada di universiti. Manakala dalam Bab Enam, penemuan kedua akan dibincangkan berkisar tentang peranan infrastruktur komuniti dan kumpulan sokongan sosial yang menyokong pengukuhangaya hidup transeksual ini di dua buah IPTA yang terlibat. Bab Ketujuh pula merupakan kesimpulan hasil kajian dan mengutarakan sumbangan kajian kepada bidang akademik terutamanya bidang geografi sosial dan potensi kajian ini pada masa hadapan.

## BAB 2

### DIFUSI RUANGAN DAN SOKONGAN TERHADAP GAYA HIDUP TRANSEKSUAL: SATU SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan menyorot literatur sedia ada tentang difusi gaya hidup transeksual dan peranan kumpulan sokongan serta infrastruktur komuniti dalam persekitaran masyarakat yang menyokong pengukuhan budaya transeksualisme. Sebelum itu bab ini akan memberikan penjelasan tentang beberapa terma dan istilah yang berkaitan dengan golongan yang mengalami kecelaruan gender ini, di samping membincangkan ruang *queer* dalam kajian geografi. Terdapat ramai ahli akademik dari pelbagai disiplin dari dalam dan luar negara berminat mengkaji mengenai golongan transeksual. Namun perkara paling penting disorot dalam bab ini ialah proses difusi ruangan budaya yang mempengaruhi penyebaran dan pengukuhan gaya hidup transeksual. Selain itu, peranan infrastruktur komuniti (*community infrastructure*) dan kumpulan sokongan sosial atau '*social support group*' daripada pelbagai pihak dalam penyebaran maklumat dan pengukuhan gaya hidup transeksual turut diperiksa oleh bab ini.

#### 2.2 Transeksual: Definisi, Istilah dan Faktor

Secara umumnya, transeksual ialah satu keadaan kecelaruan atau disforia gender (Teh, 2001; Ismail Tambi, 2007; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Terdapat beberapa definisi yang cuba menjelaskan maksud transeksual. Daripada segi bahasa, transeksual terhasil dari cantuman dua perkataan iaitu trans dan seksualiti. Trans bermaksud *cross*, pindah, menyeberangi ataupun beralih, manakala seksualiti pula

merujuk kepada kejantinaan (Kamus Dwibahasa, 1999). Daripada segi maksud ianya adalah satu keadaan di mana seseorang itu sama ada lelaki atau perempuan mengalami kecelaruan gender iaitu merasa dirinya terperangkap dalam tubuh yang salah (Wan Azmi Ramli, 1991; Ekins dan King, 1997; Benjamin, 1999; Teh, 2001; Ismail Tambi, 2007; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Menurut Pertubuhan Psychiatric Amerika yang menerbitkan satu manual tentang kecelaruan gender iaitu *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* di United States, menyatakan transeksual ialah keinginan untuk memiliki jantina yang berlawanan dari yang ditentukan kepada mereka sejak lahir (American Psychiatric Association, 1994).

Manakala menurut seorang ahli perubatan iaitu Benjamin (1999), terma kecelaruan gender boleh dibahagikan kepada dua iaitu transvestit (*transvestite*) dan transeksual (*transsexual*). Transvestit merujuk kepada seseorang lelaki yang hanya sekadar berpakaian perempuan (*cross dressers*) tetapi tidak untuk menukar jantina (Ekins dan King, 1997; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Kebanyakan transvestit bertujuan untuk mencari keseronokan dengan cara memakai pakaian wanita (*fetishisme transvestite*) dan kebanyakan daripada mereka adalah heteroseksual. Walau bagaimanapun, seandainya transvestit berkeinginan untuk menukar jantina dan berkeinginan menjadi wanita sepenuhnya, maka ia telah berubah menjadi transeksual. Transeksual menurut Benjamin (1999) ialah identiti gender yang dimiliki secara biologi berlawanan dengan kehendak naluri. Mereka menganggap diri mereka adalah wanita dan cenderung menjadi homoseksual. Mereka hanya tertarik kepada kaum lelaki dan berharap mendapat layanan seperti yang diterima oleh wanita. Di peringkat yang lebih ekstrem, golongan ini akan menjalani pembedahan pertukaran jantina (Ekins dan King, 1997).

Sama seperti Benjamin, Ekins dan King (1997) turut menyatakan *transsexualism* dan *transvestism* merujuk kepada individu yang menggunakan pakaian ataupun gaya berpakaian yang bertentangan dengan jantinya. Kedua-dua istilah ini telah digunakan secara umum di United Kingdom sejak 20 tahun dahulu sehingga sekarang. Sejarah kedua-dua terma ataupun istilah ini serta konsepnya telah didokumenkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (King, 1993). Istilah ini juga telah digunakan secara meluas semasa Perang Dunia Kedua.

Di Malaysia, ahli perubatan dan akademik secara umumnya bersetuju dengan definisi transeksual yang diberikan oleh sarjana Barat. Istilah transeksual boleh merujuk kepada golongan transeksual lelaki atau perempuan yang ingin menjadi perempuan atau lelaki dalam segala aspek (Teh, 2001). Namun begitu istilah transeksual juga dirujuk kepada golongan transvestit yang hanya sekadar berpenampilan wanita tanpa mempunyai niat melakukan pembedahan pertukaran jantina (Wan Azmi Ramli, 1991). Di Malaysia transvestit dan transeksual dikira sama walaupun ia sekadar berpakaian dan berpenampilan sahaja. Hal ini kerana kebanyakan transvestit di Malaysia adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Oleh itu mereka mempunyai halangan sosial untuk melakukan pembedahan jantina akibat halangan daripada institusi agama, sistem perundangan dan masyarakat sekitar (Teh, 2001).

Seperti mana sarjana Barat, sarjana di Malaysia turut mendefinisikan gejala transeksualisme sebagai suatu keadaan di mana seseorang individu merasa tidak selesa dengan jantina semula jadinya. Dengan kata lain mereka menghadapi kecelaruan gender. Kecelaruan gender menurut Ismail Tambi (2007) merujuk kepada keadaan di mana penghayatan seseorang individu tentang dirinya bercelaru di antara

perasaan gender sendiri dengan jantina anggota kelaminnya. Kecelaru gender berlaku apabila individu yang mempunyai anggota kelamin tertentu berasa begitu yakin bahawa dia adalah golongan jantina sebaliknya. Dia akan merasa dirinya berbeza dengan kehendak hatinya dan kadangkala menjadi serba salah apabila individu terbabit lebih cenderung bergaul dengan individu daripada jantina sebaliknya. Disforia gender yang ringan ialah perasaan suka mendekati jantina berlawanan kerana berasa selesa untuk bergaul dengan mereka. Manakala, disforia gender yang amat ketara pula ialah apabila seseorang individu merasa kehidupannya seolah-olah satu kepura-puraan kerana menganggap dirinya berada dalam jantina yang salah dan dia tidak akan teragak-agak untuk mencari jalan bagi menukar jantinaan (Zulhizzam A., 2005; Ismail Tambi, 2007; Zulkifli al-Bakri, 2007).

Dalam kata lain, transeksual merujuk kepada individu lelaki atau perempuan yang merasa dirinya terperangkap dalam tubuh yang salah (Benjamin, 1999; Zulhizzam A., 2005; Ismail Tambi, 2007). Lelaki transeksual ialah lelaki yang ingin menjadi perempuan dalam segala aspek, manakala wanita transeksual ialah wanita yang ingin menjadi lelaki dalam segala aspek (Teh, 2001). Lelaki transeksual merupakan lelaki yang beralih sifat atau bentuk lelaki dan kelelakiannya (*maleness*) kepada sifat atau bentuk wanita dan kewanitaan (*femaleness*).

Pelbagai gelaran diberikan kepada golongan celaru gender ini. Lelaki yang trans (*cross*) kepada wanita (*male to female*) dikenali sebagai ‘pondan’, ‘mak nyah’ (Teh, 2001), ‘lelaki lembut’, ‘darai’, ‘sotong’, (Wan Azmi Ramli, 1991) ‘mat kepit’, ‘bapuk’, ‘nyah’, ‘girlie’, ‘doll’, ‘adik’, ‘cik pon’ dan ‘sissy’ (Tsoi, 1990; Wan Azmi Ramli, 1991; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Manakala wanita yang trans kepada lelaki

(*female to male*) dikenali sebagai ‘tomboy’, ‘abang’, ‘pengkid’ dan ‘transman’ (Doorn *et. al.* 1994; Mohd. Yusman Awang *et. al.* 2004; Hamdan Abd. Kadir, 2007). Kesemua ini adalah gelaran tidak formal atau panggilan bersifat lokal. Istilah yang lebih kerap dan kerap muncul dalam penulisan ialah *gay* bagi lelaki dan *lesbian* bagi wanita. Pun begitu, terdapat perbezaan maksud di antara gay dan lesbian dengan transeksual. Gay ialah kebiasaannya merujuk kepada golongan lelaki yang tertarik seksualnya hanya kepada kaum sejenis iaitu lelaki (Brown dan Knopp, 2005), manakala lesbian ialah golongan wanita yang membuat hubungan sulit (orientasi seksual) antara perempuan dengan perempuan yang bertentangan dengan fitrah manusia (luar tabii) serta rela atas dasar cinta menyintai (Binnie dan Valentine, 1999; Bell dan Binnie, 2004; Brown dan Knopp, 2005).

Pelbagai gelaran dan istilah digunakan untuk menggambarkan golongan yang mengalami kecelaruan dalam mengenal identiti diri ini, namun cirinya sama iaitu mereka mempunyai persamaan dari segi orientasi seksual serta perasaan meminati kaum sejenis. Bagi penyelidik daripada disiplin geografi istilah *queer* diperkenalkan bagi menggambarkan golongan ini. Hal ini kerana istilah *queer* menggambarkan mereka yang mempunyai perlakuan dan sifat yang pelik serta aneh iaitu berpenampilan seperti jantina berlawanan (Kramer, 1995; Binnie dan Valentine, 1999; Puar, *et. al.*, 2003; Bell dan Binnie, 2004; Oswin, 2005). Oleh itu, kajian geografi *queer* adalah kajian yang mengkaji golongan transeksual, gay dan lesbian ini.

Lantaran fenomena celaru gender adalah sejagat dalam masyarakat seluruh dunia maka pelbagai gelaran diberikan oleh masyarakat setempat kepada mereka. Di



Thailand golongan lelaki yang berpenampilan seperti wanita ini dikenali sebagai *kathoey* manakala wanita berpenampilan lelaki di sebut sebagai tom (Morris, 1997b; Beyrer, 1998; Winter, 2006). Di Republik Indonesia golongan ini dipanggil dengan gelaran *bencong*, *wadam* atau *banci*. Manakala wanita berpenampilan lelaki ialah *waria* (Beyrer, 1998). Di Asia Selatan pula golongan transeksual ini dikenali dengan pelbagai gelaran mengikut kawasan, sebagai contoh *hijra* (Nanda,1999). Dalam perkataan Hindi, istilah *hijira*, *kinnav*, *chhakka* atau *kothi* digunakan untuk menggambarkan golongan lelaki yang *trans* atau *cross* kepada wanita. Di Pakistan dan India, kaum Urdu dan Punjabi menggelarkan golongan ini dengan *khusra* dan *jankha* (Beyrer, 1998). Di India Selatan, golongan ini dikenali sebagai *jagppa*; di Bangladesh dikenali sebagai *panthi* (Beyrer, 1998), manakala di Delhi golongan ini digelar *giriya* (Nanda,1999). Secara umumnya golongan ini mempunyai satu kasta yang khas. Bagi negara Arab seperti Oman dan Iran golongan ini dikenali dengan panggilan *khanith* atau *xanith*, *mukhannath* dan *khuntha* (Wan Azmi Ramli, 1991; Teh, 2002; Hamdan Abdul Kadir, 2007). Di negara China pula golongan ini sebagai *kuaxing* dalam Bahasa Mandarin (Winter, 2006). Kesejagatan fenomena celaru gender ini menunjukkan kajian geografi *queer* mengikut tempat adalah penting bagi kajian geografi manusia kontemporari.

### **2.3 Ruang *Queer* Sebagai Kajian Geografi**

Selain daripada ahli sains sosial, ahli dari disiplin geografi juga tidak ketinggalan untuk mengkaji golongan yang mengalami kecelaruan gender ini dalam konteks ruangan. Sejak tahun 2000 kajian tentang seksualiti mula mendapat perhatian dalam kalangan ahli geografi. Malah 30 tahun lalu ahli geografi telah menjadi badan yang

terlibat menghasilkan pelbagai kajian yang berkaitan dengan seksualiti yang melibatkan golongan gay dan lesbian (Oswin, 2005). Apa yang penting, sejak kebelakangan ini, pakar-pakar dari luar bidang geografi telah menerima hakikat peranan ruang sosial dalam memahami serta menganalisis kewujudan kumpulan ini. Pada peringkat permulaan bidang geografi memberi tumpuan kepada kajian yang berkaitan seksualiti dengan ruangan, serta memberi fokus dalam mengenal pasti dan memetakan landskap golongan gay dan masyarakat. Kajian seperti ini antara lain bertujuan untuk menzahirkan peta yang menunjukkan lokasi dan ruang yang digunakan oleh kumpulan ini. Rentetan daripada minat yang mendalam dalam kalangan ahli geografi berkaitan seksualiti dan ruangan, maka pada tahun 2001 sekumpulan pakar dalam bidang tersebut dari Persatuan Geografi Amerika dan Pusat Kajian Lesbian dan Gay, Universiti New York telah mengadakan persidangan selama satu hari yang bertajuk "*Sexuality and Space: Queering Geographies of Globalization*". Persidangan ini dirangka untuk mewujudkan perbincangan antara kumpulan pakar yang menjalankan penyelidikan tentang seksualiti dan ruangan daripada latar belakang geografi dan bukan geografi (Puar; *et. al.*, 2003).

Natalie Oswin (2005), seorang penyelidik daripada Jabatan Geografi National University of Singapore telah cuba membangunkan ruang '*queer*' dalam geografi. Beliau telah mengenal pasti dan mengelompokkan kumpulan ini berpandukan kepada jenis dan aktiviti yang mereka lakukan. Kajian beliau menggunakan pendekatan geografi iaitu pemetaan bagi memahami taburan aktiviti kumpulan ini secara lebih khusus. Selain itu, beliau juga turut membincangkan sumbangan ahli-ahli Geografi Radikal dalam melihat konflik yang wujud dalam kalangan golongan yang mengalami kecelaruan gender seperti homoseksual dan heteroseksual (Oswin, 2005).

Selain Oswin, beberapa orang ahli geografi cuba melihat peranan ruang dan tempat dalam perkembangan golongan ini. Umpamanya David Bell dan Gill Valentine dari University of Leeds dan Jon Binnie dari University of Manchester, United Kingdom telah berperanan menyusun semula persoalan yang berkaitan ruang '*queer*' sejak tahun 1990an. Bagi mereka ruang *queer* bukan wujud secara semula jadi, tetapi ruang ini wujud disebabkan oleh aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang mengalami kecelaruan gender ini (Binnie, 1997 dipetik dari Oswin, 2005)

Brown dan Knopp, (2005) juga telah membangunkan ruang *queer* dengan menjalankan kajian untuk memetakan golongan *gay* dan *lesbian* di United States. Mereka telah menggunakan teknik kartografi dan GIS dalam mempersembahkan maklumat berkenaan golongan ini. Walau bagaimanapun, teknik memetakan pasangan seks sejenis yang tinggal bersama masih menghadapi masalah untuk menunjukkan populasi golongan lesbian dan gay. Ini kerana, tidak semua gay dan lesbian tinggal di rumah yang sama dan tidak semua isi rumah yang mempunyai persamaan seks adalah gay dan lesbian. Oleh hal yang demikian, kajian serta atlas yang dibangunkan hanyalah untuk mengenal pasti isi rumah seks sejenis. Skala pemetaan yang digunakan ialah pada peringkat Bandar, Kawasan Khusus Statistik Metropolitan (CMSA), Negeri, Bahagian, Wilayah dan Negara itu sendiri iaitu United States.

Sarjana daripada disiplin geografi sosial dan geografi budaya, iaitu Binnie dan Valentine (1999), telah menjelaskan bagaimana sesuatu ruang itu berperanan mempengaruhi aktiviti dan perilaku golongan homoseksual, serta tanggapan dan pemberian makna terhadap identiti ruangan mereka. Golongan ini cuba menonjolkan

diri mereka secara berbeza mengikut ruang dan tempat. Umpamanya, di bandar mereka lebih menonjol dan mempunyai ruang-ruang tertentu untuk mereka menjalankan aktiviti harian seperti di kelab malam, bar, premis-premis menjual majalah dan buku, restoran, sauna dan tempat-tempat lain yang biasanya digunakan oleh golongan ini. Tujuan mereka menonjolkan diri adalah untuk menguasai ruang-ruang tersebut. Sebaliknya di luar bandar mereka tidak begitu menonjolkan diri berbanding bagi golongan ini yang tinggal di kawasan bandar. Hal ini kerana kawasan luar bandar tidak mempunyai infrastruktur komuniti seperti yang terdapat di kawasan bandar bagi menyokong pengukuhan gaya hidup transeksual mereka. Hal ini ada kaitan dengan infrastruktur komuniti yang berbeza di bandar dan luar bandar, seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian 2.6 halaman 49.

Celeste Wincapaw, seorang ahli geografi dari Canada telah mengenal pasti kepentingan ruang maya menerusi internet dan telefon kepada golongan transeksual yang dikajinya. Ruang maya menyediakan ruang komunikasi secara bebas untuk mereka berhubung sesama mereka tanpa menjejaskan ruang peribadi mereka. Ruang peribadi adalah ruang yang dilindungi (*protect area*) bagi golongan ini dan mereka akan berusaha supaya ruang dilindungi ini tidak dicerobohi oleh orang luar (Wincapaw, 2000).

Seorang ahli sejarah dari Wilfrid Laurier University, Canada iaitu Sibalís (2004) pula cuba membincangkan tentang pembentukan ruang *gay ghettos* serta faktor-faktor yang mewujudkan ruang tersebut di Marais. Dalam hal ini, *gay ghettos* sebenarnya adalah kawasan pertepatan yang di dominasi oleh golongan lelaki dan perempuan homoseksual, dan ia semakin berkembang sejak beberapa dekad Selepas Perang